

Kesilapan diplomat: PM alu-alukan pengakuan Indonesia

LANGKAWI 8 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengalu-alukan pengakuan kerajaan Indonesia berhubung kesilapan diplomat mereka menghadiri taklimat tertutup anjuran Parti Keadilan Nasional (Keadilan) minggu lalu.

Perdana Menteri memberitahu, penjelasan itu diterima baik atas dasar menghormati semangat negara yang berjiran.

“Kita alu-alukan penjelasan mereka bahawa ia satu kesilapan kerana kita suka berb&k-baik dengan jiran,” katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar sempena lawatan untuk meninjau projek pembangunan di sekitar Langkawi, hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas kenyataan Menteri Luar Indonesia, Alwi Shihab semalam yang menjelaskan diplomat mereka telah diberi jaminan kononnya pertemuan itu mendapat kelulusan kerajaan Malaysia.

Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar sebelum ini telah membidas kehadiran beberapa diplomat asing termasuk dari Singapura dan Indonesia kerana menghadiri taklimat tersebut yang didakwa cuba mencampuri urusan dalaman negara.

UM - 9 APR 2011

Sementara itu ketika ditanya reaksi beliau tentang dakwaan beberapa pemimpin Pas kononnya pemberian wang ihsan menggantikan royalti sebagai haram, Dr. Mahathir berkata, ia membuktikan Pas sememangnya parti yang suka melemparkan fitnah.

“Apa ada pada Pas selain daripada melempar fitnah pada orang?” katanya.

Beliau menambah, dakwaan seperti itu datang daripada sebuah parti yang sanggup melemparkan pelbagai tuduhan apabila mereka tidak bersetuju tentang sesuatu perkara.

“Bagi Pas mudah eahaja, apabila mereka tidak setuju mereka katakan macam-macam seperti kafir, haram dan sekular” ujarnya.

Malah, Dr. Mahathir menambah, tuduhan itu juga datang daripada parti yang mengatakan orang Islam lain sebagai kafir termasuk kepada diri beliau sendiri.

Tuduhan Pas terhadap wang ihsan sebagai haram dibangkitkan oleh Timbalau Ketua Perhubungan UMNO Terengganu, Datuk Idris Jusoh semalam yang mendakwa ia disebarkan oleh beberapa pemimpin Pas dalam ceramah mereka di negeri itu.